

status ketelusan mereka. Sekiranya, Pengawal Hak Cipta berpuas hati bahawa mana – mana Badan Pelesenan tidak melaksanakan tanggungjawab mereka seperti yang dikehendaki oleh undang – undang, maka pengisytiharan Badan Pelesenan berkenaan boleh dibatalkan oleh Pengawal Hak Cipta.

Mana – mana organisasi yang menjalankan kutipan royalti tanpa diisytiharkan sebagai Badan Pelesenan yang sah di sisi undang – undang oleh Pengawal Hak Cipta adalah menjadi satu kesalahan yang boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500, 000.00.

Berkaitan dengan soalan tarif yang ditanya oleh Yang Berhormat, pihak Kerajaan ingin memaklumkan tarif ini ditentukan melalui skim pelesenan yang ditawarkan oleh Badan Pelesenan kepada pengguna komersial bagi penggunaan sesuatu karya tersebut. Skim pelesenan tidak di kawal oleh pihak Kerajaan tetapi diputuskan melalui persetujuan di antara Badan Pelesenan dan pengguna komersial tersebut.

Sekiranya pengguna komersial tidak berpuas hati terhadap kadar fi yang ditetapkan oleh Badan Pelesenan melalui skim pelesenan tersebut, pengguna komersial boleh merujuk kepada Tribunal Hak Cipta untuk tujuan semakan dan ketetapan fi yang bersesuaian. Untuk makluman Yang Berhormat Renggam juga, sehingga kini tiada satu rujukan kes yang dikemukakan kepada Tribunal Hak Cipta.